

Analisis Profil Pesawah Padi di Malaysia dan Kepatuhan Membayar Zakat Pertanian

ASMAK AB RAHMAN,¹ PAZIM @ FADZIM OTHMAN,² SITI MASHITOH MAHAMOOD,³
AZIZI CHE SEMAN,⁴ NOR AINI ALI⁵ & NORZURAIIDA HASAN⁶

ABSTRAK

Hasil pertanian merupakan salah satu harta yang diwajibkan zakat. Di Malaysia, hanya tanaman padi sahaja yang dikenakan zakat pertanian. Oleh itu, hanya pesawah padi sahaja yang dikenakan zakat pertanian sedangkan mereka merupakan antara golongan termiskin berbanding petani yang mengusahakan tanaman lain. Berdasarkan beberapa kajian lain, didapati kebanyakan pembayar zakat padi berada di bawah garis kemiskinan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk melihat profil pesawah padi di Malaysia serta mendapatkan pandangan mereka terhadap pengalaman pembayaran zakat pertanian dan seterusnya menganalisis kepatuhan mereka dalam membayar zakat pertanian. Metode soal selidik telah digunakan dengan khidmat enumerator bagi mendapatkan data tersebut di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebanyak 488 soal selidik daripada sejumlah 625 soal selidik yang telah diedarkan kepada petani-petani yang mengusahakan sawah padi di Semenanjung Malaysia telah digunakan di dalam analisis kajian ini dengan menggunakan SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan pesawah padi membayar zakat dan tidak merasa terbeban dalam membuat pembayaran zakat padi. Walau bagaimanapun seramai 227 responden (48.1 %) menyatakan bahawa pendapatan mereka lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin.

Kata kunci: Pesawah padi, zakat pertanian, kemiskinan, Malaysia

PENDAHULUAN

Malaysia mempunyai pelbagai hasil pertanian seperti getah, kelapa sawit, buah-buahan dan sebagainya. Di Malaysia, hanya padi sahaja dikenakan zakat kerana padi merupakan makanan asasi, tahan disimpan dan boleh dikeringkan sebagaimana disyaratkan oleh mazhab Syafi'i. Oleh kerana mazhab Syafi'i merupakan pegangan utama masyarakat Islam dalam urusan amal ibadat maka begitu juga dengan hal berkaitan zakat. Ianya diputuskan mengikut mazhab Syafi'i apabila hanya padi sahaja yang dikenakan zakat pertanian sebagaimana digazetkan oleh pihak berkuasa Agama setiap negeri di Malaysia.

Mengikut sejarah, sektor tanaman padi merupakan sektor yang tertua di kebanyakan negara di Asia termasuklah di Malaysia. Ini kerana beras yang diproses daripada padi merupakan makanan ruji bagi penduduk di Benua Asia dan juga bagi kebanyakan penduduk dari kawasan lain. Di Malaysia, terdapat lapan kawasan utama bagi tanaman padi yang juga dikenali sebagai Jelapang Padi. Dua dari kawasan tersebut diletakkan di bawah pengelolaan Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Lembaga Pembangunan Pertanian Kemubu (KADA) di

¹ * Kertas kerja ini adalah hasil kajian "Kaedah Taksiran Zakat Padi di Malaysia: Kesan Sosioekonomi Terhadap Petani dan Penyelesaiannya (FP029/2008C). Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, email: asmak@um.edu.my.

² Profesor di Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, email: pazim@uum.edu.my.

³ Profesor Madya Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, email: mas68@um.edu.my.

⁴ Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, email: azizi@um.edu.my.

⁵ Pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, email: aini@um.edu.my.

⁶ Sarjana Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, email: zuraida_hasan@yahoo.com

Kelantan. Selainnya adalah kawasan tanaman padi yang diletakkan di bawah kawalan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), yang kini telah ditukar nama kepada Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA). Keenam-enam kawasan IADA ialah Barat Laut Selangor (merangkumi Sabak Bernam dan Sekinchan), Kerian-Sungai Manik (Perak), Seberang Perai (Pulau Pinang), Seberang Perak (Perak), Terengganu Utara – KETARA (Terengganu), dan Kemasin-Semerak (Kelantan). Di samping itu terdapat juga kawasan-kawasan tanaman padi berskala kecil di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan tanaman padi bukit yang masih diamalkan di beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2012, kawasan jelapang padi bertanam berjumlah seluas 389,000 hektar yang mampu menghasilkan sebanyak 1.8 juta tan metrik. Dalam Bajet 2013, kerajaan akan menambah 4 lagi kawasan jelapang padi baru seluas 19,000 hektar dengan penyertaan seramai 12,237 pesawah.⁷

Walaupun terdapat lapan kawasan khusus untuk tanaman padi, namun jumlah keluasannya amat sedikit sekali jika dibandingkan dengan keseluruhan tanah yang telah digunakan untuk tujuan aktiviti pertanian. Jadual 1 menunjukkan taburan kawasan tanaman bagi berbagai jenis komoditi. Kawasan yang telah ditanam dengan padi didapati semakin berkurangan dan ini diikuti oleh penurunan dalam peratusannya, iaitu 10.31 peratus (1995), 8.11 peratus (2000), 7.08 peratus (2005) dan dijangka terus menurun kepada 6.53 peratus (2010). Dalam pada itu sebahagian besar kawasan pertanian telah digunakan untuk tanam kelapa sawit yang merupakan komoditi komersial yang paling penting untuk pembangunan ekonomi negara.

Jadual 1: Malaysia: Penggunaan Tanah Untuk Pertanian, 1995-2010 ('000 hektar)

Jenis Tanaman	1995	2000	2005	2010
Kelapa Sawit	2,507	3,377	4,049	4,555
Getah	1,727	1,431	1,250	1,179
Padi	592	478	452	450
Buah-buahan	244	304	330	375
Kelapa	299	159	180	180
Koko	235	76	33	45
Sayur-sayuran	42	40	64	86
Tembakau	11	15	11	7
Lada	9	13	13	14
Jumlah	5,743	5,893	6,383	6,891

Sumber: Rancangan Malaysia (berbagai siri)

Kelapa sawit dan getah merupakan tanaman yang paling banyak ditanam di Malaysia berbanding dengan tanaman padi. Namun demikian, adalah didapati bahawa tanaman-tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah tidak dikenakan zakat pertanian. Ini kerana berdasarkan pandangan mazhab Syafi'i tanaman kelapa sawit dan getah tidak dikenakan zakat kerana ia bukan merupakan makanan asasi bagi masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, zakat pertanian hanya dikenakan ke atas petani yang mengusahakan tanaman padi sahaja.

Walau bagaimanapun jika dilihat dalam sektor pertanian, pesawah padi merupakan golongan masyarakat yang menghadapi kadar kemiskinan yang jauh lebih tinggi berbanding dengan petani-petani yang terlibat dalam aktiviti pertanian yang lain, walaupun kadar kemiskinannya

⁷ Bajet 2013, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub13.pdf>, 3 Oktober 2012.

didapati semakin menurun dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, kadar kemiskinan di kalangan pesawah padi pada tahun 1999 berada pada tahap 33.9 peratus berbanding dengan pekebun kecil getah (15.7 peratus), pekebun kecil kelapa sawit (10.4 peratus), pekebun kecil kelapa (12.3 peratus), lain-lain pertanian (14.6 peratus), nelayan (10.2 peratus), pekerja estet (9.8 peratus) dan keseluruhan sektor pertanian (16.4 peratus). Jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan di peringkat nasional pada 7.5 peratus, maka kadar kemiskinan di kalangan pesawah padi pada tahun 1999 adalah terlalu tinggi dan jauh berbeza. Jadual 2 menunjukkan kadar kemiskinan dalam sektor pertanian di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1970-1999.

Jadual 2: Semenanjung Malaysia: Kadar Kemiskinan Dalam Sektor Pertanian, 1970-1999 (%)

Sub-Sektor	1970	1980	1995	1999
Pekebun Kecil Getah	64.7	41.3	39.2	15.7
Pekebun Kecil Kelapa Sawit	30.3	7.7	5.7	10.4
Pekebun Kecil Kelapa	52.8	38.9	31.1	12.3
Petani Padi	88.1	52.7	58.3	33.9
Lain-Lain Pertanian	91.8	64.2	47.5	14.6
Nelayan	73.2	45.3	43.5	10.2
Pekerja Estet	40.0	35.1	39.0	9.8
Pertanian	63.8	45.7	42.6	16.4
Nasional	49.3	29.2	24.1	7.5

Sumber: Rancangan Malaysia (berbagai siri)

Antara sebab-sebab utama berlakunya kemiskinan yang tinggi di kalangan petani di Malaysia, termasuk pesawah padi, adalah saiz ladang yang diusahakan terlalu kecil dan tidak ekonomik. Keadaan ini menjadi penghalang utama kepada penggunaan teknologi baru dengan lebih ekonomik. Jadual 3 menunjukkan taburan ladang di Semenanjung Malaysia pada tahun 1990. Bagi keseluruhan sektor pertanian yang dipelopori oleh sejumlah 508,740 orang, dianggarkan hampir 27 peratus dari petani mengerjakan ladang yang bersaiz di bawah 0.5 ha. Manakala, hampir 79 peratus petani pula mengerjakan ladang bersaiz sehingga 1.9 ha sahaja. Daripada sejumlah 133,603 petani padi di seluruh Semenanjung Malaysia sebanyak 36.28 peratus petani mengerjakan sawah yang bersaiz di bawah 0.5 ha. Manakala, sebanyak 89.10 peratus petani mengerjakan sawah yang bersaiz 1.9 ha dan ke bawah. Hanya seramai 11.89 peratus sahaja petani yang mengerjakan saiz sawah padi dari 2 ha (5 ekar) dan ke atas. Pada hal saiz sawah yang dianggap ekonomik untuk diusahakan ialah sekurang-kurangnya 2.0 ha. Saiz sawah tersebut dianggap mampu untuk menyediakan pendapatan yang agak selesa kepada pesawah padi dan seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan. Namun demikian, pada skala sawah padi bersaiz di sekitar had minima yang membolehkan mereka melepasi pendapatan garis kemiskinan (PGK), seperti 2-3 ha, pesawah padi tersebut dijangka akan mudah terdedah kepada fenomena “kemudahterancam” atau *vulnerability* jika sesuatu bencana seperti banjir besar, kemarau panjang, dan berbagai jenis penyakit yang menyerang tanaman padi mereka. Oleh sebab sebahagian besar pesawah padi hanya bergantung kepada pendapatan daripada sumber utamanya sahaja, iaitu hasil tanaman padi, maka sebarang masalah yang menimpa akan mengheret mereka ke bawah daripada PGK. Ukuran kemudahterancam ini adalah berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan sebanyak RM720.00 sebulan.

Jadual 3: Semenanjung Malaysia: Taburan Petani dan Saiz Ladang, 1990

Saiz Ladang (ha)	Semua Ladang ¹		Sawah Padi ²	
	Bil. Petani	Peratusan (%)	Bil. Petani Padi	Peratusan (%)
< 0.5	139,005	29.63	47,147	36.28
0.5-0.9	110,986	23.77	39,958	29.90
1.0-1.4	82,917	16.97	22,486	16.83
1.5-1.9	44,314	8.08	8,139	6.09
2.0-2.4	49,634	8.79	8,776	6.57
2.5-2.9	19,257	2.92	1,952	1.46
3.0-3.4	18,953	2.70	1,262	0.94
3.5-3.9	8,510	1.23	748	0.56
4.0-4.4	20,534	1.94	1,040	0.78
4.5-5.0	5,001	0.70	458	0.34
>5.0	18,139	3.29	1,658	1.24
JUMLAH	508,740	100.00	133,620	100.00

Nota: ¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, koko, kopi, kelapa, kelapa sawit dan getah

² Termasuk ladang yang berstatus pemilik-pengusaha dan disewa

Sumber: Laporan Banci Petani, 1990 (diubahsuai)

Kemiskinan di kalangan pesawah padi turut diperlihatkan melalui kajian-kajian lepas, antaranya melalui kajian yang dilakukan oleh Abdul Aziz bin Muhammad⁸ yang menunjukkan bahawa kebanyakan pembayar zakat padi berada di bawah garis kemiskinan. Beliau berpendapat bahawa pelaksanaan kutipan zakat pertanian di Malaysia tidak menjamin keadilan ekonomi secara menyeluruh kerana pengenaan zakat pertanian hanya terhad kepada zakat padi sahaja sedangkan terdapat tanaman lain yang lebih komersial dan memberi pulangan yang lumayan kepada petani seperti kelapa sawit, koko, getah dan sebagainya. Malah menurut beliau, agihan pendapatan tidak mencapai sasaran di Malaysia kerana zakat hanya dikenakan kepada pesawah padi, sedangkan mereka merupakan antara golongan termiskin berbanding petani yang mengusahakan tanaman lain. Manakala kajian yang dilakukan oleh Asmak Ab. Rahman & Pazim @ Fadzim Othman⁹ mendapati bahawa pembayar zakat padi masih berada di bawah garis kemiskinan disebabkan oleh kaedah taksiran zakat padi yang tidak menolak kos penanaman padi dan kos sara hidup pesawah. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan pesawah padi adalah terdiri daripada golongan miskin, namun mereka tetap menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat pertanian.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat secara terperinci profil dan latar belakang pesawah padi di Semenanjung Malaysia serta mendapatkan pandangan mereka terhadap pengalaman pembayaran zakat pertanian dan seterusnya menganalisis tahap kepatuhan mereka dalam membayar zakat pertanian.

ZAKAT PERTANIAN

Zakat pertanian ialah zakat yang dikenakan ke atas makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sesebuah negeri yang telah cukup nisab iaitu 363 gantang / 1300 kg dan cukup haulnya.

⁸ Abdul Aziz bin Muhammad (1986), "Zakat and Rural Development in Malaysia: An Ethical Analysis of the Concepts of Growth and Redistribution of Income and Wealth in Islam and their Practices in a Contemporary Muslim Society" (Ph.D thesis, Temple University, USA), hh. 320-324.

⁹ Asmak Ab.Rahman & Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian di Selangor". Jurnal Syariah. Jil. 13, Bil.1, hh. 37-63.

Hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat adalah bijirin-bijirin daripada jenis makanan asasi yang tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Bagi penduduk di Malaysia, makanan asasinya adalah nasi dan nasi dihasilkan daripada padi. Maka zakat pertanian yang wajib dikeluarkan bagi penduduk di negara Malaysia adalah zakat padi.¹⁰ Hasil tanaman yang tidak dianggap sebagai makanan asasi seperti kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, tebu, koko dan buah-buahan akan dikenakan zakat perniagaan sekiranya komoditi tersebut diperniagakan.

Antara dalil kewajipan mengeluarkan zakat ialah:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu....”

(Surah al-Baqarah: 267)

Maksudnya: “Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebon yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa, dan rasanya); dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau...”

(Surah al-An'am: 141)

Kadar yang diwajibkan zakat pertanian ialah 5 atau 10 peratus daripada hasil tanaman yang telah cukup nisab. Bagi tanam-tanaman dan pokok buah-buahan yang hidup dengan air hujan atau air sungai dan tidak memerlukan perbelanjaan atau tenaga pemiliknya, zakat yang wajib dikeluarkan apabila cukup nisabnya ialah satu persepuluh ($1/10$).¹¹ Oleh itu, zakat yang wajib dikeluarkan bagi 360 gantang ialah 36 gantang. Sekiranya tanam-tanaman dan buah-buahan tersebut disiram menggunakan alat penyiram dan sebagainya yang memerlukan tenaga dan perbelanjaan, maka kadar zakatnya ialah $1/20$.¹² Oleh itu, zakat yang wajib bagi 360 gantang ialah 18 gantang.

Hal ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada 'Umar r.a. Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “Pada tanam-tanaman yang disirami hujan dan air sungai atau tanam-tanaman jenis palma, kadar zakatnya ialah $1/10$ dan tanam-tanaman yang disiram dengan alat penyiram, kadar zakatnya ialah $1/20$ ”¹³

Daripada Jabir r.a, sabda Rasulullah SAW juga:

Maksudnya: “Kadar zakat tanam-tanaman yang disirami air sungai dan hujan ialah $1/10$ dan tanaman yang disirami mata air ialah $1/20$ ”¹⁴

Ini bermakna bahawa petani yang menanam tanaman yang diwajibkan zakat seperti padi hendaklah mengeluarkan zakat apabila telah cukup nisabnya dengan kadar 5 atau 10 peratus daripada hasil tanaman mengikut jenis pengairan yang digunakan oleh pesawah padi.

¹⁰ Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>, 10 Oktober 2012.

¹¹ Ibn Hazm, Abu Muhammad bin Ahmad (t.t), *al-Muhalla'*, Mesir: al-Munirah, h.67-68

¹² *Ibid.*

¹³ al-Nawawi, Muhyi al-Din (1997), *Sahih Muslim Bi Syarh al-Imam al-Nawawi*, Kitab al-Zakah, Jil. 7. Beirut: Dar al-Ma'arif, h. 53-54.

¹⁴ Muslim, Ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi (t.t), *al-Jami' al-Sahih, Kitab al-Zakah, Bab Ma Fihi al-'Usyr aw Nisfu al-'Usyr*, Jil. 3. Beirut: al-Maktabah al-Tujjariyyah, h. 67.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam artikel ini, penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan bagi pengumpulan data. Bagi kajian perpustakaan, dokumen-dokumen berkaitan seperti buku-buku, artikel-artikel dalam jurnal, laporan, kertas kerja dan sebagainya telah dirujuk. Bagi kajian lapangan pula, metode soal selidik telah digunakan untuk bagi mendapatkan data profil pesawah padi, maklumat pembayaran zakat pertanian dan pandangan tentang pengalaman berkaitan zakat pertanian.

Soal selidik dibentuk berpandukan kajian Asmak Ab Rahman¹⁵ dan telah diubahsuai berdasarkan kepada objektif artikel ini. Kaedah persampelan yang telah digunakan adalah persampelan rawak strata di mana sampel diambil mengikut populasi sub-kumpulan. Sampel terdiri daripada pesawah-pesawah yang menanam padi di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Jumlah soal selidik yang diagihkan kepada responden adalah berdasarkan kepada statistik keluasan bertanam dan pengeluaran padi semua musim.¹⁶ Seramai 625 orang telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Walaubagaimanapun hanya 576 soal selidik yang dipulangkan semula dan terdapat sebanyak 88 kes yang bermasalah dan terpaksa dibuang daripada sampel kajian yang menjadikannya kepada 488 kes yang boeh dianalisis di peringkat akhir.

Data soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Analisis data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah secara statistik deskriptif iaitu menggunakan jadual frekuensi, peratus, jadual silang, carta, graf dan ukuran numerikal di mana-mana yang dirasakan sesuai dan dapat memberikan maklumat yang bermakna. Data soal selidik telah dianalisa menggunakan SPSS berdasarkan frekuensi dan peratusan untuk mendapatkan maklumat profil para pesawah padi dan hal ehwal berkaitan pembayaran zakat padi. Metode komparatif juga digunakan untuk membandingkan maklumat daripada responden dari kawasan yang berbeza.

Jadual 4 menunjukkan analisis profil responden mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang merangkumi tahap umur, jantina, taraf perkahwinan, bilangan tanggungan dan taraf pendidikan tertinggi. Berdasarkan Jadual 4, majoriti petani yang menjalankan aktiviti penanaman padi adalah terdiri daripada golongan yang berumur dalam lingkungan 51-60 tahun iaitu seramai 153 orang responden (31.4 peratus). Golongan yang kedua tertinggi adalah daripada pesawah yang berumur 61 tahun ke atas iaitu seramai 146 orang (29.9 peratus). Seramai 126 orang (25.8 peratus) pula adalah daripada petani yang berumur dalam lingkungan 41-50 tahun yang merupakan jumlah responden ketiga tertinggi. Manakala responden yang paling sedikit mengerjakan sawah padi adalah daripada tahap umur 30 tahun ke bawah iaitu hanya seramai 12 orang (2.5 peratus) sahaja. Ini menunjukkan aktiviti penanaman padi banyak dilakukan oleh golongan yang lebih berumur iaitu lingkungan 41 tahun dan ke atas. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Rospidah Ghazali dan Pazim@Fadzim Othman¹⁷ di mana majoriti umur pesawah padi melepasi umur persaraan. Ia mungkin disebabkan kerana aktiviti pertanian kurang digemari oleh golongan muda, maka ia hanya menjadi tumpuan pekerjaan bagi golongan yang berumur. Kekurangan minat golongan muda terhadap aktiviti penanaman padi adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti struktur dan tarikan upah di sektor bandar, jaminan pekerjaan, persekitaran kerja (panas dan menggunakan tenaga fizikal), serta persepsi dan stigma masyarakat terhadap pekerjaan sebagai penanam padi.¹⁸

¹⁵ Asmak Ab Rahman (2004). "Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia". (Tesis di Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur).

¹⁶ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2008), Perangkaan Pertanian 2008, Putrajaya: Unit Pengurusan Maklumat dan Statistik, h. 35.

¹⁷ Rospidah Ghazali & Pazim @ Fadzim Othman (2011), "Pembangunan Indikator Untuk Penilaian Kelestarian Sektor Padi". (Prosiding PERKEM VI, Jilid 1, 5 – 7 Jun 2011), h. 336.

¹⁸ *Ibid.*

PROFIL PESAWAH PADI

Demografi Responden

Jadual 4: Demografi Responden Mengikut Negeri

Negeri	Tahap Umur										Jantina					Taraf Perkahwinan					Bilangan Tanggungan					Taraf Pendidikan Tertinggi				
	≤ 20	21-30	31-40	41-50	51-60	61-70	≥ 71	Lelaki	Perempuan	Buyang	Duda	Berkahwin	Janda	1-3	4-6	7-9	10-12	13-15	Tiada Persekolahan	Sekolah Rendah	Sekolah Agama/Pondok	Spm/Mce	Srp/Pmr/Lce	Sipm/Diploma	Ijazah	4 Sanawi				
Johor	0	0	1	0	2	1	2	6	0	0	1	5	0	5	1	0	0	0	0	4	0	0	0	1	0	1	0			
Kedah	4	1	26	53	64	56	20	199	25	9	2	197	16	71	114	33	6	0	13	85	26	66	26	3	3	2				
Kelantan	2	1	7	16	15	11	6	55	3	2	3	52	1	16	29	11	2	0	4	23	8	13	8	2	0	0				
Melaka	0	0	0	1	3	2	0	6	0	0	0	6	0	3	3	0	0	0	0	4	0	0	1	0	1	0				
N. Sembilan	0	0	0	3	6	0	0	9	0	0	0	9	0	3	4	2	0	0	0	2	0	3	1	2	1	0				
Pahang	0	0	0	1	3	2	2	8	0	0	0	8	0	3	3	1	1	0	0	5	0	3	0	0	0	0				
Perak	0	0	7	10	20	5	4	41	5	1	2	37	5	12	23	9	0	2	5	17	1	12	10	0	1	0				
Perlis	1	1	3	9	11	11	5	36	5	0	0	37	4	12	24	4	1	0	5	20	0	9	6	0	0	1				
P. Pinang	1	0	1	10	7	1	0	20	0	0	0	20	0	5	10	5	0	0	0	9	0	6	4	1	0	0				
Selangor	1	0	6	16	18	13	3	47	10	2	1	45	9	24	19	13	1	0	3	26	8	13	5	2	0	0				
Terengganu	0	0	0	6	4	3	0	13	0	0	0	13	0	3	3	6	1	0	1	6	0	1	4	0	1	0				
Jumlah	9	3	51	125	153	105	42	440	48	14	9	429	35	157	233	84	12	2	31	201	43	126	66	10	8	3				

Sumber: Kajian Sampel 2009-2010

Jika dilihat daripada sudut jantina, majoriti yang mengusahakan sawah padi adalah terdiri daripada golongan lelaki iaitu seramai 440 orang berbanding wanita hanya seramai 48 orang. Dapatan yang diperolehi juga konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh Rospidah Ghazali dan Pazim@Fadzim Othman.¹⁹ Bagi status perkahwinan, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden yang mengusahakan sawah padi adalah daripada kalangan responden yang telah berkahwin iaitu seramai 429 orang (88.1 peratus). Seterusnya diikuti oleh janda seramai 35 orang (7.2 peratus), bujang seramai 14 orang (2.9 peratus) dan yang paling rendah ialah golongan duda iaitu seramai 9 orang (1.8 peratus). Bagi jumlah tanggungan pula, seramai 233 orang (47.7 peratus) mempunyai bilangan tanggungan seramai 4 hingga 6 orang. Seramai 157 orang responden (32.2 peratus) pula mempunyai tanggungan sebanyak 1 hingga 3 orang. Manakala bilangan tanggungan yang paling tinggi ditanggung oleh responden ialah tanggungan seramai 10 orang ke atas namun ia ditanggung oleh bilangan responden yang paling sedikit iaitu hanya 14 orang (2.9 peratus). Hal ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai bilangan tanggungan yang sederhana iaitu antara 4 hingga 6 orang sahaja. Namun terdapat juga responden yang mempunyai bilangan tanggungan yang ramai iaitu melebihi 10 orang.

Bagi tahap pendidikan di kalangan pesawah padi, majoriti responden terdiri daripada pesawah yang mempunyai pendidikan sekolah rendah iaitu seramai 201 orang (41.2 peratus). Responden yang paling sedikit adalah terdiri daripada pesawah yang mempunyai pendidikan 4 thanawi iaitu seramai 3 orang sahaja (0.6 peratus). Terdapat juga responden yang mempunyai pendidikan tertinggi iaitu di peringkat ijazah dengan jumlah responden seramai 8 orang. Hal ini menunjukkan tidak ramai petani yang mempunyai taraf pendidikan tinggi kerana kebanyakan daripada mereka hanya berjaya menamatkan pelajaran di peringkat sekolah rendah sahaja dan menjadi petani disebabkan faktor warisan keluarga. Tahap pendidikan rendah merupakan satu ciri sosial utama kemunduran sektor padi negara kerana ia membataskan mereka dalam menerima pemodenan yang diperkenalkan oleh agensi-agensi berkaitan.

Jenis Pekerjaan Responden

Jadual 5: Jenis Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan	Frekuensi	Peratusan (%)
Bersawah sahaja	228	46.7
Bersawah & kerja sendiri	187	38.3
Bersawah & kakitangan swasta	32	6.6
Bersawah & kakitangan kerajaan	31	6.4
Bersawah, kakitangan kerajaan & sendiri	5	1.0
Bersawah, kakitangan swasta & sendiri	5	1.0
Jumlah	488	100.0

Sumber: Kajian Sampel 2009-2010

Para pesawah padi terdiri daripada pesawah sepenuh masa dan juga pesawah yang mengusahakan sawah secara sampingan. Jadual 5 menunjukkan kategori pesawah dan jenis-jenis pekerjaan mereka. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden iaitu seramai 228 orang (46.7 peratus) adalah pesawah sepenuh masa yang hanya bekerja sebagai penanam padi sahaja. Manakala yang selebihnya iaitu seramai 260 orang (53.3 peratus) mengusahakan sawah padi secara sampingan dengan mempunyai satu atau dua pekerjaan yang lain sama ada dalam sektor kerajaan, swasta

¹⁹ *Ibid.*, h. 334.

atau sendiri. Hal ini menunjukkan sebahagian besar daripada responden hanya bergantung kepada hasil daripada jualan padi semata-mata sebagai sumber pendapatan mereka. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Rospidah Ghazali dan Pazim@Fadzim Othman²⁰ di mana 90 peratus daripada responden (pesawah padi) menjalankan aktiviti penanaman padi sebagai pekerjaan utama mereka.

Jumlah Pendapatan Responden Bagi Semusim

Jadual 6: Jumlah Pendapatan dari Hasil Tanaman Padi (RM)

Jumlah Pendapatan (RM)	Frekuensi	Peratusan (%)
10000 dan ke bawah	288	59.0
10001-20000	113	23.2
20001-30000	44	9.0
30001-40000	26	5.3
40001-50000	8	1.6
50000 ke atas	9	1.8
Jumlah	488	100.0

Sumber: Kajian Sampel 2009-2010

Jadual 6 menunjukkan julat bagi jumlah keseluruhan pendapatan responden yang merangkumi jumlah hasil jualan padi dan jumlah subsidi harga padi. Subsidi harga padi ialah bayaran tambahan yang diberikan ke atas setiap penjualan padi oleh pesawah kepada mana-mana kilang beras di dalam negara yang telah ditetapkan kadarnya oleh BERNAS mengikut berat timbangan padi. Bagi setiap tan padi yang dijual, pesawah akan diberikan harga subsidi sebanyak RM248.10 per tan padi atau RM24.81 bagi setiap 100 Kg padi. Pada harga padi berdasarkan kepada Harga Minima Terjamin (HMT) semasa iaitu RM750.00 per tan, maka harga subsidi ialah di sekitar 33 peratus dari HMT. Pemberian harga subsidi adalah sebagai tambahan kepada harga jualan padi untuk membantu pesawah padi meningkatkan pendapatan mereka. Berdasarkan jadual tersebut, didapati seramai 288 orang responden (59 peratus) mendapat pendapatan kurang daripada RM10,000 untuk satu musim. Manakala hanya seramai 9 orang sahaja (1.8 peratus) memperolehi pendapatan yang paling tinggi iaitu yang melebihi RM50,000 bagi satu musim. Hal ini menunjukkan majoriti responden memperolehi hasil kurang daripada RM10,000 bagi satu musim dan tidak ramai yang mendapat hasil yang tinggi.

Jadual 7: Jumlah Pendapatan Bersih (RM)

Jumlah Pendapatan Bersih (RM)	Frekuensi	Peratusan (%)
Baki negatif	11	2.3
1000 dan ke bawah	37	7.6
1001-2000	58	11.9
2001-3000	56	11.5
3001-4000	48	9.8
4001 dan ke atas	278	57.0
Jumlah	488	100.0

Sumber: Kajian Sampel 2009-2010

²⁰ Rospidah Ghazali & Pazim @ Fadzim Othman (2011), *op.cit.*, h. 334.

Jadual 7 menunjukkan jumlah pendapatan bersih yang diperolehi oleh responden iaitu jumlah pendapatan setelah ditolak kos-kos penanaman yang terlibat seperti kos bahan input, kos tenaga kerja dan kos sewaan tanah. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 278 orang (57 peratus) memperolehi pendapatan yang paling tinggi daripada hasil jualan padi iaitu melebihi RM4,000 semusim. Manakala yang selebihnya iaitu seramai 210 orang (53 peratus) memperolehi pendapatan bersih kurang daripada RM4,000 bagi satu musim iaitu selama lima bulan dan secara tidak langsung meletakkan mereka dalam golongan miskin dan miskin tegar dengan perolehan pendapatan bulanan kurang daripada RM667 berbanding PGK negara iaitu RM720. Malahan terdapat juga responden yang tidak memperolehi sebarang hasil malah rugi dengan memperolehi baki bersih negatif iaitu seramai 11 orang (2.3 peratus).

PANDANGAN RESPONDEN TENTANG PENGALAMAN BERKAITAN ZAKAT PADI

Jadual 8: Pandangan Responden Tentang Pengalaman Berkaitan Zakat Padi

Bil.	Perkara	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Jumlah (%)
1	Tuan/puan tidak mengalami masalah dalam cara membuat pengiraan zakat yang sebenar.	438 (89.8)	34 (10.2)	472 (100)
2	Tuan/puan tidak merasa terbeban dalam membuat pembayaran zakat padi.	443 (93.9)	29 (6.1)	472 (100)
3	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga	344 (72.9)	128 (27.1)	472 (100)
4	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang.	280 (59.4)	192 (40.6)	472 (100)
5	Tuan/puan mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi.	208 (44.1)	264 (55.9)	472 (100)
6	Pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang fakir/miskin.	227 (48.1)	245 (51.9)	472 (100)
7	Sepanjang penglibatan tuan/puan dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah.	219 (46.4)	253 (53.6)	472 (100)
8	Kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri tuan/puan.	115 (24.4)	357 (75.7)	472 (100)
9	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman / pengeluaran.	242 (50.4)	230 (49.6)	472 (100)
10	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup.	202 (42.9)	269 (57.1)	471 (100)
11	Subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat	222 (47.1)	249 (52.9)	471 (100)

Sumber: Kajian Sampel 2009-2010

Jadual 8 menunjukkan pandangan responden tentang pengalaman mereka terhadap beberapa aspek yang berkaitan dengan zakat padi. Bagi aspek masalah dalam pengiraan zakat padi, seramai 438 responden (89.8 peratus) menyatakan mereka mengalami masalah dalam membuat pengiraan zakat padi yang sebenar kerana terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam pengiraan zakat padi. Hanya terdapat seramai 34 orang sahaja (10.2 peratus) yang tidak

mengalami masalah dalam membuat pengiraan zakat padi. Manakala pandangan mereka terhadap masalah bebanan dalam membuat pembayaran zakat padi, seramai 443 responden (93.9 peratus) menyatakan mereka tidak merasa terbeban membayar zakat padi berbanding 29 orang lagi (6.1 peratus) yang merasa terbeban dengan pembayaran zakat padi tersebut. Berdasarkan pandangan 344 orang responden (72.9 peratus), hasil padi yang diperolehi hanya sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga mereka sahaja. Manakala seramai 128 orang responden (27.1 peratus) merasakan hasil yang diperolehi mereka melebihi untuk menampung perbelanjaan keluarga. Seramai 280 orang responden (59.4 peratus) setuju menyatakan bahawa hasil padi mereka hanya sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang. Manakala seramai 192 orang lagi (40.6 peratus) tidak mengalami masalah dalam hal tersebut.

Jika dilihat daripada sudut bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi pula, seramai 208 orang responden (44.1 peratus) menyatakan mereka mempunyai bebanan hutang bagi perbelanjaan aktiviti pertanian. Manakala seramai 264 orang responden (55.9 peratus) pula tidak mempunyai masalah tersebut. Daripada segi pendapatan pula, seramai 227 orang (48.1 peratus) menyatakan bahawa pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang fakir/miskin. Manakala yang selebihnya iaitu seramai 245 orang lagi (51.9 peratus) berpandangan sebaliknya.

Bagi aspek kadar nisab dalam zakat padi, seramai 219 orang responden (46.4 peratus) bersetuju bahawa sepanjang penglibatan mereka dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah. Manakala seramai 253 orang responden (53.6 peratus) lagi tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bagi cadangan supaya kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri masing-masing pula, seramai 357 orang responden (75.7 peratus) tidak bersetuju dan seramai 115 orang lagi (24.4 peratus) setuju dengan cadangan tersebut.

Bagi penolakan kos pula, seramai 242 orang responden (50.4 peratus) bersetuju supaya kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman atau kos pengeluaran. Manakala 232 orang lagi (49.6 peratus) tidak bersetuju dengan kaedah pengiraan zakat dengan menolak kos tanaman. Bagi cadangan supaya kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup pula, seramai 202 orang responden (42.9 peratus) bersetuju. Manakala responden yang tidak bersetuju dengan penolakan kos sara hidup adalah seramai 269 orang (57.1 peratus). Seterusnya bagi cadangan supaya harga subsidi padi yang diterima perlu dikenakan zakat pula, seramai 222 orang responden (47.1 peratus) bersetuju dan 249 orang lagi (52.9 peratus) tidak bersetuju.

ANALISIS KEPATUHAN RESPONDEN DALAM MEMBAYAR ZAKAT PERTANIAN

Berdasarkan hasil soal selidik yang dijalankan terhadap 488 pesawah padi, ia menunjukkan hampir kesemua responden iaitu seramai 486 (99.8 peratus) faham bahawa padi adalah harta yang diwajibkan zakat. Manakala hanya seorang sahaja (0.02 peratus) yang berfahaman bahawa zakat padi tidak diwajibkan zakat. Hal ini menunjukkan hampir kesemua responden mengetahui dan faham tentang hukum menunaikan ibadat zakat pertanian. Kepatuhan membayar zakat dapat dilihat melalui status pembayaran zakat pertanian yang dilakukan oleh responden. Terdapat seramai 469 orang (96.3 peratus) yang telah membayar zakat padi di mana 460 orang responden (98.1 peratus) membuat pembayaran zakat padi setiap kali selepas menuai dan 9 orang lagi (1.9 peratus) membuat pembayaran setahun sekali. Manakala hanya seramai 18 orang sahaja (3.7 peratus) yang tidak membayar zakat padi. Kebanyakan responden iaitu seramai 15 orang (71.4 peratus) yang tidak membayar zakat padi adalah kerana jumlah hasil yang diperolehi tidak mencukupi untuk membayar zakat. Antara sebab-sebab lain adalah kerana zakat padi dibayar oleh pihak lain, tidak biasa membayar zakat padi dan tidak tahu mengira zakat padi dengan jumlah masing-masing seramai 2 orang (9.52 peratus). Hal ini menunjukkan hampir keseluruhan

responden menunaikan kewajipan membayar zakat pertanian (padi). Kebanyakan pembayaran zakat padi iaitu seramai 460 orang responden (98.1 peratus) membayar zakat padi dalam bentuk wang. Manakala yang selebihnya seramai 4 orang (0.9 peratus) membayar zakat dalam bentuk padi, 2 orang (0.4 peratus) membayar zakat dalam bentuk beras dan 3 orang lagi (0.6 peratus) membayar dalam bentuk wang dan padi. Ini menunjukkan masyarakat sekarang lebih cenderung membayar zakat dengan menggunakan wang sahaja kerana ia merupakan medium perantaraan yang lebih mudah. Hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 468 orang (99.8 peratus) membayar zakat padi kerana ia adalah kewajipan menurut syarak. Ia menunjukkan masyarakat kini memahami tentang konsep dan hukum pembayaran zakat padi itu sendiri.

KESIMPULAN

Aktiviti penanaman padi merupakan aktiviti pertanian yang ketiga terbesar di Malaysia dan merupakan satu-satunya tanaman yang dikenakan zakat pertanian. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, ia menunjukkan bahawa penanaman padi banyak diusahakan oleh golongan yang agak berusia di mana kebanyakan daripadanya adalah terdiri daripada pesawah yang berusia 51 tahun ke atas. Selain itu, majoriti daripada responden hanya mempunyai tahap pendidikan pada peringkat sekolah rendah sahaja. Majoriti responden menjalankan aktiviti penanaman padi secara sepenuh masa dan hanya bergantung kepada hasil tanaman padi semata-mata sebagai sumber pendapatan mereka. Dapatan menunjukkan 53 peratus daripada responden memperolehi pendapatan bersih di bawah PGK yang dikategorikan sebagai golongan miskin dan miskin tegar. Walaupun pendapatan yang mereka perolehi adalah di bawah PGK dan merasakan bahawa pendapatan mereka adalah sama taraf dengan golongan miskin namun kebanyakan daripada mereka membayar zakat pertanian. Ini menunjukkan mereka mempunyai kepatuhan yang tinggi dalam membayar zakat pertanian.

RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Muhammad (1986), "Zakat and Rural Development in Malaysia: An Ethical Analysis of the Concepts of Growth and Redistribution of Income and Wealth in Islam and their Practices in a Contemporary Muslim Society", (Ph.D thesis, Temple University, USA).
- al-Nawawi, Muhyi al-Din (1997), *Sahih Muslim Bi Syarh al-Imam al-Nawawi*, Jil. 7. Beirut: Dar al-Ma`arifah.
- Asmak Ab Rahman (2004). "Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia". (Tesis di Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur).
- Asmak Ab.Rahman & Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian di Selangor". *Jurnal Syariah*. Jil. 13, Bil.1, hh. 37-63.
- Bajet 2013, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub13.pdf>, 3 Oktober 2012.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad bin Ahmad (t.t), *al-Muhalla'*, Mesir: al-Munirah.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2008), *Perangkaan Pertanian 2008*, Putrajaya: Unit Pengurusan Maklumat dan Statistik.
- Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>, 10 Oktober 2012.
- Muslim, Ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi (t.t), *al-Jami' al-Sahih*, Jil. 3. Beirut: al-Maktabah al-Tujjariyyah.
- Rospidah Ghazali & Pazim @ Fadzim Othman (2011), "Pembangunan Indikator Untuk Penilaian Kelestarian Sektor Padi". (Prosiding PERKEM VI, Jilid 1, 5 – 7 Jun 2011).